

03/06/1999

Nilai tempatan, sejagat dalam sastera

Hamdan Yahya

NOVELIS Itali, Ignazio Silone berkata: "Pada sekumpulan teori kita dapat membina mazhab (pemikiran); Pada sekumpulan nilai kita dapat membina budaya, tamadun, satu cara untuk hidup bersama."

Rupa dan bentuk sesebuah masyarakat adalah hasil atau produk budayanya, terutama aspek sistem nilai.

Selama manusia hidup dalam kelompok sosial, selama itulah nilai menjadi garis panduan dalam perhubungan sosial anggotanya.

Masyarakat berbudaya atau bertamadun mempunyai sistem nilai sendiri.

Tamadun Mesir dan Sumeria menggariskan pepatah dan peribahasa yang ditentukan pemimpin mereka. Di China ajaran Confucius menjadi garis panduan hidup masyarakatnya sementara al-Quran dan hadis menjadi pedoman tamadun Islam.

Tanda keruntuhan dan kemusnahan sesuatu tamadun dilihat apabila nilai negatif seperti keseronokan atau hedonisme menjadi nilai utama masyarakat. Ketika Nero memerintah Rome, ramai terbunuh termasuk ibunya sendiri yang dihukum bunuh hanya kerana mengkritik gundiknya.

Sejarah membuktikan tamadun runtuh apabila nilai unggul tidak lagi menjadi dukungan masyarakat.

Nilai berkait rapat dengan penentuan sama ada pelakuan itu baik dan diterima masyarakat atau sebaliknya. Kriterianya tentu berbeza antara sebuah masyarakat dengan masyarakat lain.

Faktor alam, manusia, minda, pengaruh dan sebagainya membezakan konsep nilai antara masyarakat. Umpamanya nilai paling tinggi bagi umat Islam ialah takwa kepada Allah sementara bagi seorang atheis minda adalah nilai paling unggul.

Nilai sesebuah karya sastera juga berbeza mengikut perspektif pencipta, masyarakat dan zaman. Karya sastera sejak zaman berzaman mencerminkan pelbagai jenis nilai di dalamnya.

Khazanah sastera Melayu tidak terlepas daripada hakikat itu. Hikayat Awang Sulung Merah Muda, misalnya selain mengandungi nilai hiburan juga terselit unsur teladan. Hikayat Hang Tuah dan Amir Hamzah menyanjung nilai keberanian, kepahlawanan dan kesetiaan, Hikayat Perang Sabil memberikan fokus kepada nilai keagamaan sementara Hikayat Ramayana dengan nilai moral dan etika luhur.

Dalam puisi lama seperti pantun memandang budi pekerti sebagai nilai yang tinggi.

Nilai keadilan digambarkan dalam pelbagai teks lama seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Perak. Semuanya mendahului Penal Code yang dikuatkuasakan ketika pemerintahan British.

Dalam sastera moden Melayu, nilai keberanian dan kepahlawanan dilanjutkan walaupun dalam konteks berbeza.

Sesuatu nilai tidak eksklusif bagi sesuatu masyarakat saja. Di sebaliknya nilai berbeza antara sebuah masyarakat dengan masyarakat lain ada juga nilai yang dikongsi bersama pelbagai masyarakat.

Nilai baik sesuatu masyarakat boleh dipinjam baik secara sedar atau tanpa sedar. Lazimnya apabila ada hubungan atau pertembungan antara budaya maka berlakulah hal itu.

Apabila terjadi pengaruh daripada budaya lain, hal yang tidak terelakkan ialah masuknya dua nilai bertentangan iaitu positif dan negatif. Nilai negatif selalu memberi kesan negatif kepada nilai murni dalam budaya setempat.

Nilai tersebar melalui pelbagai saluran pengiklanan, seminar, forum dan kaunseling dalam pelbagai media. Sejak akhir ini dengan wujudnya koridor raya multimedia atau Internet memberi ruang begitu luas untuk menyebarkan maklumat yang di dalamnya terkandung nilai yang dengan mudah sampai kepada masyarakat.

Kesan teknologi Internet amat besar kepada nilai masyarakat kerana kesan baik atau buruknya bergantung kepada bagaimana kita menangani maklumat itu.

Bagaimanakah kita harus menangani keadaan yang mencabar nilai masyarakat kita? Sejauh manakah kita boleh mendapat manfaat daripada keadaan itu? Sejauh manakah sasterawan kita dapat menimba nilai sejagat dan menyebarkannya dalam karya mereka? Nilai sejagat apakah yang boleh diterima sebagai nilai unggul dalam masyarakat yang boleh diangkat untuk membina tamadun kita itu?

Masyarakat kita sekarang memang menghadapi krisis nilai akibat perkembangan dan kemajuan yang kita cipta sendiri.

Hakikatnya dalam proses kemajuan kita menghadapi krisis nilai dalam masyarakat. Krisis nilai berlaku kerana kita tidak menjangka apakah masalah yang terbit akibat kemajuan yang kita cipta atau kita tidak dapat menangani masalah itu dan menyelesaikannya sebaik mungkin.

Hal itu lebih merumitkan apabila kita tidak cukup kuat untuk menolak sebarang gejala buruk daripada pembangunan dan kemajuan. Mental dan spiritual kita tidak cukup kuat untuk menjadi benteng kepada sebarang serangan.

Untuk menangani dilema itu, kita harus membina masyarakat yang nilai unggulnya tidak dapat digugah oleh pengaruh luar yang negatif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kekuatan dalaman kita (iman) boleh menjadi alat atau benteng untuk mengatasi pengaruh luar yang negatif.

Di samping itu kita perlu memberikan perlindungan kepada masyarakat daripada gejala negatif yang disebarkan menerusi saluran awam dan swasta.

Kita perlu mendidik masyarakat berketrampilan mengenal dan memilih budaya bernilai tinggi serta menolak budaya rendah menerusi pembelajaran dan pendidikan nilai.

Pendidikan sepanjang hayat mengenai seni, moral dan falsafah perlu ditekankan termasuk mengenali dan menghayati karya seni sastera sama ada dihasilkan setempat mahupun karya besar dunia yang boleh menyemai dan menyemarakkan nilai budaya tinggi dalam jiwa raga masyarakat.

Pendidikan sains dan teknologi perlu diseimbangkan dengan pendidikan rohani. Dalam hal ini sastera dan sasterawan memang mempunyai peranan sebagai ejen pembentukan minda dan nilai masyarakat.

Sasterawan boleh memainkan peranan menyemai nilai positif dalam masyarakat. Peranan itu amat relevan walaupun ada yang mempertikaikannya.

Ini selari dengan sastera yang mempunyai peranan pragmatis sebagai ejen untuk membina masyarakat bertamadun dan berbudaya.

Dalam hal ini, sasterawan perlu memainkan dua peranan iaitu mengutarakan nilai sejagat dalam karya mereka dan pada masa sama mengemukakan nilai setempat.

Nilai sejagat yang hendak dipaparkan perlu berdasarkan kriteria tertentu.

Persoalan kesesuaiannya mengikut masa, khalayak, keadaan politik, ekonomi dan sosial perlu diambil kira.

Pemilihan nilai sejagat harus juga dibuat berasaskan prioriti. Nilai setempat perlu diberi keutamaan sebelum mengambil yang sejagat. Prioriti kedua ialah nilai yang ada dalam daerah serantau, nusantara dan seumpamanya.

Walau apapun keutamaannya sasterawan perlu menapis dan menyaring nilai

yang dipilih.

Apabila menterjemah karya besar dunia kita melakukan proses penapisan mengenai apa yang boleh kita terjemahkan. Bahagian nyata negatif sifatnya kita ubah suai, rombak atau gugurkan sama sekali. Proses yang sama juga perlu dialami bagi karya asli supaya kemurnian nilai dalam karya dapat dipertanggungjawabkan.

Zaman sastera alaf baru nanti perlu memperlihatkan sasterawan sebagai tokoh ilmu kerana mereka yang akan bertanggungjawab membentuk hati nurani dan nilai masyarakatnya. Demikianlah harapannya.

(END)